

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

ACW 112 - Perakaunan Kewangan & Pelaporan 1

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN :**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

---

Soalan 1

- a) Pengurus Urusan Cahaya Berhad menemui beberapa istilah perakaunan di bawah tetapi tidak mengetahui maksudnya. Sebagai seorang akauntan, anda diminta untuk menerangkan maksud istilah-istilah tersebut.

Sediakan memo kepada Pengurus Urusan menerangkan istilah-istilah berikut. Pilih LIMA (5) sahaja.

- i. rizab penebusan modal (capital redemption reserve)
- ii. butiran luarbiasa (extraordinary items)
- iii. perolehan se saham dicair sepenuhnya (fully diluted earnings per share)
- iv. liabiliti kontingen
- v. kegiatan pelarasan (adjusting events)
- vi. kebolehpercayaan (reliability)
- vii. kebolehbandingan (comparability)

[ 10 markah ]

- b) Terangkan maksud rizab modal dan rizab hasil. Berikan contoh untuk setiap satu rizab.

[ 5 markah ]

Soalan 2

Pertama Berhad berdaftar dengan modal saham dibenarkan 2 juta saham biasa, 50 sen nilai par setiap saham dan 200,000 10% saham keutamaan, nilai par RM1.00 setiap saham. Kini, 1.6 juta saham biasa dan 200,000 10% saham keutamaan telah diterbitkan dan dibayar sepenuhnya.

Berikut ialah Imbangan Pertama Berhad seperti pada 30 Jun 1999.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Saham biasa		
10% saham keutamaan		800,000
8% debentur		200,000
Perolehan tertahan (1 Julai 1998)		100,000
Premium saham		100,000
Untung sebelum cukai		80,000
Cukai belum bayar (1998)		300,000
Dividen separuh tahun:		85,000
Saham keutamaan	6,500	
Saham biasa (5%)	26,000	
Cukai tertunda (deferred tax)		40,000
Hartanah hakmilik bebas (pada kos)	500,000	
Tanah hakmilik pajakan (pada kos) (leasehold land)	300,000	
Bangunan (pada kos)	400,000	
Logi dan mesin (pada kos)	300,000	
Kenderaan (pada kos)	140,000	
Susutnilai terkumpul (30 Jun 1998):		
Bangunan		80,000
Logi dan mesin		110,000
Kenderaan		17,500
Pelunasan terkumpul (30 Jun 1998):		
Tanah hakmilik pajakan		60,000
Inventori	100,000	
Kerja dalam proses (work in progress)	20,000	
Bahan mentah	30,000	
Akaun belum terima	200,000	
Lain-lain belum terima dan prabayar	40,000	
Tunai dalam bank	80,000	
Akaun belum bayar		60,000
Lain-lain akruan dan belum bayar		30,000
Peruntukan pembaikan & penyelenggaraan		80,000
	<u>2,142,500</u>	<u>2,142,500</u>

Maklumat tambahan:

1. Untung sebelum cukai diperolehi setelah mengambil kira butiran berikut:

Susutnilai atas:

Bangunan	garis lurus
Loji dan mesin	10% atas kos
Kenderaan	10% atas kos

Pelunasan (amortisation) atas tanah hakmilik pajakan:

Pajakan ialah bagi tempoh 20 tahun dan bangunan terletak atas tanah hakmilik pajakan.

Untung dari jualan kenderaan RM3,000

Faedah atas debentur 1 tahun

2. Peruntukan dan pengasingan harus dibuat untuk:

Emolumen pengarah	RM25,000
Peruntukan untuk pembaikan dan penyelenggaraan	RM5,000
Dividen akhir tahun dicadangkan:	
Saham keutamaan	
Saham biasa	10%

3. Anggaran cukai bagi untung 1999 ialah RM100,000. Cukai yang perlu dibayar bagi 1998 seperti mana dipersetujui oleh Lembaga Hasil Dalam ialah hanya RM80,000.

Pemindahan kepada cukai tertunda RM10,000

Dikehendaki:

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan penyata kewangan menurut piawaian perakaunan bagi Pertama Berhad yang sesuai untuk penerbitan bagi tahun berakhir 30 Jun 1999.

[ 25 markah ]

Soalan 3

Maklumat berikut berhubung dengan aset tetap yang dipetik daripada Teras Berhad sebelum menyediakan penyata kewangan untuk tahun berakhir 31 Disember 1999:

a) Baki awal:

Jumlah angkut kasar pada 1 Januari 1999:	RM
Tanah dan bangunan hakmilik bebas (lihat nota di bawah)	9,000
Kelengkapan pejabat (pada kos)	500
Kenderaan (pada kos)	300
Susutnilai terkumpul pada 1 Januari 1999	RM
Bangunan hakmilik bebas	300
Kelengkapan pejabat	200
Kenderaan	120

Nota: Tanah dan bangunan hakmilik bebas terdiri daripada:

- i. Tanah A serta bangunan di atasnya. Semuanya dibeli dengan harga RM5,000,000 yang terdiri daripada RM1,500,000 untuk tanah dan RM3,500,000 untuk bangunan (bangunan dijangka mempunyai baki hayat berguna selama 35 tahun ketika proses penilaian semula dibuat).
- ii. Tanah B dibeli dalam 1994 pada kos RM800,000 dan dinilai semula dalam 1997 pada RM1,000,000. Tanah B dicagarkan kepada bank untuk pinjaman bank berjumlah RM500,000 dan
- iii. Tanah C diperolehi dalam 1995 pada kos RM2,500,000 dan dinilai semula dalam 1998 pada RM3,000,000.

b) Susutnilai:

Semua aset tetap, kecuali tanah hakmilik bebas disusutnilai menggunakan kaedah garis lurus tanpa nilai sisaan (residual value). Untuk aset diperolehi atau dijual (disposed) sepanjang tahun itu, susutnilai sepenuh tahun diperuntukkan dalam tahun ia dibeli dan tiada peruntukan dibuat dalam tahun ia dijual. Untuk aset yang dinilai semula sepanjang tahun itu, susutnilai sepenuh tahun diperuntukkan berdasarkan amaun dinilai semula. Jangka hayat berguna untuk setiap kumpulan aset tetap adalah seperti berikut:

Bangunan	40 tahun
Kelengkapan pejabat	10 tahun
Kenderaan	10 tahun

c) Penilaian semula

Tanah A dan bangunan dinilai semula pada 2 Januari 1999. Laporan daripada penilai bertauliah adalah seperti berikut:

- i. Berdasarkan nilai pasaran kegunaan masakini (based on market value of existing use), tanah hakmilik bebas dinilai pada RM3,000,000 dan bangunan dinilai pada RM4,000,000.
- ii. Berdasarkan nilai pasaran kegunaan alternatif (based on market value of alternative use), tanah dan bangunan hakmilik bebas dinilai pada RM9,000,000.

Pengarah berpendapat penilaian semula adalah perlu untuk membentangkan nilai yang saksama (fair value) untuk tanah dan bangunan hakmilik bebas. Penilaian semula telah direkod di dalam buku dengan menghapus kira akaun susutnilai terkumpul dan lebihan penilaian semula telah dipindah secara langsung kepada akaun rizab penilaian semula. Bangunan itu dijangka mempunyai baki hayat berguna selama 32 tahun selepas penilaian semula.

Tambahan:

- i. Sebidang tanah hakmilik bebas (tanah D) telah diperoleh sepanjang tahun pada kos RM1,500,000 secara tunai.
- ii. Kelengkapan pejabat dengan kos RM200,000 dibeli dalam tahun itu.
- iii. Lori baru dibeli dengan perjanjian sewa beli pada kos RM80,000. Dua bulan kemudiannya, sistem pendingin udara serta radio dipasang dengan jumlah kos RM10,000. Belanja perkhidmatan sepanjang tahun untuk kenderaan berjumlah RM8,000.

d) Jualan:

Sepanjang tahun, tanah C dijual dengan tunai RM4,000,000. Syarikat tidak bercadang untuk menjual sebarang tanah selain daripada yang dinyatakan di atas.

Kelengkapan pejabat dibeli dalam 1996 pada kos RM100,000 dijual dengan tunai pada harga RM60,000.

Sebuah lori dibeli dalam 1992 pada kos RM50,000 dijual secara tunai pada RM30,000.

Dikehendaki:

1. Menyediakan catatan jurnal (untuk tahun 1999 sahaja) untuk merekodkan semua urusan di atas.
2. Menunjukkan bagaimana maklumat di atas berhubung dengan aset tetap didedah dalam penyata kewangan syarikat tahun 1999 menurut piawaian perakaunan IAS 16 (Revised).

[ 20 markah ]

...6/-

Soalan 4

- a) Berikut adalah kunci kira-kira Tebus Bhd seperti pada 31 Disember 1999

Tebus Berhad  
Kunci Kira Kira pada 31 Disember 1999

	RM
Saham modal dibenarkan	
2,000,000 saham biasa RM2 setiap satu	4,000,000
1,000,000 7% saham keutamaan boleh tebus RM1 setiap satu	<u>1,000,000</u>
	5,000,000
Modal diterbitkan dan dibayar	
500,000 saham biasa RM2 setiap satu	1,000,000
300,000 7% saham keutamaan boleh tebus RM1 setiap satu	300,000
	<u>1,300,000</u>
Premium saham	60,000
Rizab hasil:	
Rizab am	30,000
Untung tertahan	135,000
Liabiliti semasa:	
Pemiutang	30,000
Belanja terakru	<u>4,200</u>
	<u>1,555,200</u>
Aset tetap pada kos	1,290,000
(-) susutnilai terkumpul	<u>(129,000)</u>
	1,161,000
Pelaburan	215,000
Aset semasa:	
Inventori	50,000
Penghutang	69,000
Tunai di bank	59,000
Tunai di tangan	<u>1,200</u>
	<u>1,555,200</u>

Sepanjang bulan Januari 2000, urusan berikut telah berlaku:

- a) 80% daripada saham keutamaan boleh tebus ditebus pada RM1.20 setiap satu.
- b) Untuk membiayai dana penebusan:
  - i) aset tetap dengan kos RM160,000 yang disusutnilai dengan jumlah RM16,000 telah dijual dengan harga RM150,000.
  - ii) Pelaburan dengan kos RM200,000 dijual dengan rugi RM15,000
  - iii) 40,000 saham biasa RM2 setiap satu diterbitkan pada premium 20 sen setiap satu.
  - iv) Terbitan hak untuk 100,000 saham biasa ditawarkan kepada pemegang saham tersedia ada pada RM2.20 setiap satu. Terbitan ini dipohon sepenuhnya.

...7/-

Dikehendaki:

Menyediakan catatan jurnal untuk merekod urusan di atas dan kunci kira kira selepas catatan-catatan ini dibuat.

[ 10 markah ]

- b) Sepuluh tahun yang lepas, Bon Berhad menerbitkan RM250,000 10% debentur pada par, boleh tebus pada 105 pada 31 Disember 1999. Mengikut perjanjian amanah debentur, pengasingan tahunan akan dibuat kepada akaun dana terikat. Pemegang amanah diberi kuasa untuk membeli dan membatalkan dengan serta merta sebarang debentur dibeli pada harga pasaran yang dibawah nilai par, dan menjual pelaburan dana terikat untuk tujuan ini.

Berikut adalah baki yang terdapat dalam buku syarikat pada 1 Januari 1999:

	RM
a) Akaun dana terikat	177,250
b) Akaun pelaburan dana terikat	177,250
c) 10%debentur	150,000

Sepanjang tahun berakhir pada 31 Disember 1999, urusan berikut telah berlaku:

1. Pada 30 Jun 1999 faedah debentur untuk pertengahan tahun dibayar.
2. Pada 1 Julai 1999 RM65,000 10% debentur dibeli pada 98 daripada pasaran terbuka dan dibatalkan. Untuk membiayai dana pembelian balik ini pelaburan dengan kos RM60,000 dijual dengan untung RM9,600.
3. Pada 12 November 1999 pendapatan atas pelaburan dana terikat berjumlah RM10,065 diterima. Ia tidak dilaburkan semula sebab penebusan atas debentur akan dibuat pada 31 Disember 1999.
4. Pada 15 Disember 1999, baki dalam akaun pelaburan dana terikat dijual pada RM115,600.
5. Pada 31 Disember 1999 debentur dibayar balik beserta dengan faedah untuk setengah tahun kedua dibayar.

Dikehendaki:

Merekodkan urusan di atas dalam lejer Bon Berhad untuk tahun berakhir 31 Disember 1999.

[ 10 markah ]

Soalan 5

- a) Berikut adalah akaun untung dan rugi Segar Berhad untuk tahun berakhir 31 Disember 1999.

	RM	RM
Untung sebelum cukai		200,000
Cukai kena bayar (termasuk cukai tertunda)		<u>(100,000)</u>
Untung selepas cukai		100,000
Butiran luarbiasa	30,000	
Cukai	<u>(5,000)</u>	<u>25,000</u>
Perolehan tertahan bawa ke hadapan		125,000
Dividen interim:		30,000
Dividen keutamaan	14,400	155,000
Pindah ke rizab	<u>30,000</u>	<u>(44,400)</u>
Perolehan tertahan bawa ke hadapan		110,600
Segar Berhad telah menerbitkan:		RM
10% saham keutamaan RM1 setiap satu dibayar penuh		400,000
Saham biasa RM1 setiap satu dibayar penuh		500,000
10% debentur boleh tukar (matang 2006)		100,000

Nota tambahan:

1. Saham keutamaan dan saham biasa di atas diterbitkan beberapa tahun dahulu.
2. 10% debentur boleh tukar, boleh ditukar mulai daripada 2006 mengikut syarat-syarat ini: *setiap RM100 10% stok debentur boleh ditukar kepada 100 saham biasa.*
3. Kadar cukai 30%.

Dikehendaki:

Mengira perolehan sesaham (EPS) asas untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 1999.

[ 10 markah ]



- b) Berikut adalah petikan daripada bahagian liabiliti semasa dalam Kunci Kira-Kira Irama Berhad.

	RM'000 1999	RM'000 1998
<u>Liabiliti semasa</u>		
Nota belum bayar	60	6
Akaun belum bayar	100	50
Pampasan kepada pekerja	30	10
Liabiliti terakru	95	65
Cukai pendapatan belum bayar	5	9
Hutang jangka panjang yang matang dalam tempoh ini	16	7

Dikehendaki:

- i) Huraikan ciri-ciri penting liabiliti.
- ii) Bezakan maksud liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang.
- iii) Terangkan maksud liabiliti terakru? Berikan tiga contoh liabiliti terakru yang mungkin terdapat dalam Kunci Kira Kira Irama Berhad.
- iv) Jelaskan bagaimanakah cara yang betul untuk menilai liabiliti menurut teori? Bagaimanakah liabiliti semasa selalunya dinilai?

[ 10 markah ]

---ooo000ooo---